

28 MAR 1996

Mahathir-Perniagaan

MALAYSIA, N.ZEALAND PERLU TINGKATKAN HUBUNGAN KORPORAT

Oleh: Ali Mamat

AUCKLAND, 28 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa Malaysia dan New Zealand perlu mengatur strategi untuk mempertingkatkan hubungan korporat antara sektor swasta kedua-dua negara untuk mengadakan projek usahasama di rantau Asean dan pasaran baru muncul di Selatan.

Perdana Menteri berkata kombinasi kekuatan individu dalam sudut-sudut tertentu yang penting boleh mewujudkan kekuatan memandangkan kedua-dua negara mempunyai pandangan bercorak global dan berpegang kepada pasaran terbuka untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan dua hala.

"Saya dengan ini menggesa kalangan korporat kedua-dua negara supaya menyahut cabaran itu," kata beliau pada majlis perjumpaan makan malam ahli perniagaan Malaysia dan New Zealand anjuran Majlis Perniagaan New

Dr Mahathir, yang kini dalam lawatan empat hari ke New Zealand berkata memandangkan kerajaan Malaysia menggalakkan sektor korporatnya melabur dan berdagang dengan negara Selatan, ahli korporat New Zealand boleh mewujudkan pangkalan hadapan di negara-negara itu melalui ikatan dalam usahasama tiga hala.

Dr Mahathir diiringi oleh perwakilan 40 ahli perniagaan di samping 25 anggota rombongan rasmi termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata kedua-dua negara berpeluang memperolehi manfaat daripada kepesatan pertumbuhan ekonomi yang sudah mula beranjak ke Asia dengan menempatkan diri mereka secara strategik dan mengenal pasti bidang-bidang yang menjamin kekuatan dan kemahiran mereka digunakan dengan lebih baik.

Beliau juga menggesa kalangan peniaga di kedua-dua negara supaya mengkaji semula potensi yang ada pada negara satu sama lain untuk mengenal pasti lebih banyak barangan untuk aktiviti perdagangan dan pertukaran.

"Kita boleh mengkaji peluang usahasama dalam bidang perhotelan, pelancongan dan pembangunan hartanah manakala sektor korporat kita boleh mengkaji kekuatan New Zealand dalam perhutanan, pembinaan bot, pemprosesan makanan dan telekomunikasi untuk mewujudkan usahasama," katanya.

Katanya, Malaysia mengakui tentang perlunya memajukan ladang hutannya untuk memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan bagi industri membuat perabot dan New Zealand, yang mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang itu, boleh melabur di Malaysia untuk memajukan ladang hutan secara bersepadu dengan perusahaan perabot bagi pasaran eksport.

Memandangkan Malaysia telah mewarisi dan menyesuaikan sistem British dalam urusan pentadbiran dan perundangannya, ia akan memudahkan peniaga New yang sama.

-- BERNAMA

AM LDB NMO